

BAB V

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Kajian ini telah dijalankan ke atas pihak-pihak yang ada kaitan dengan pembiayaan pendidikan melalui wakaf di institusi pendidikan dayah di Aceh. Pihak-pihak yang berkaitan iaitu pihak Baitul Mal Aceh, Kementerian Agama Provinsi Aceh, dan pihak dari tiga institusi pendidikan dayah yang ada di Aceh.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temu bual dengan pihak-pihak yang menjadi sumber data primer. Pengkaji melakukan temu bual untuk mendapatkan data-data utama untuk kajian ini, yang kemudian semua data tersebut disimpulkan dengan menggunakan analisis deskriptif dan analisis kandungan. Daripada hasil analisis tersebut, pengkaji dapat menjawab semua objektif yang telah dibuat.

Dalam bab ini pengkaji mencuba untuk menyimpulkan hasil daripada penyelidikan yang telah dilakukan dalam bab-bab sebelumnya. Kesimpulan itu meliputi perkembangan terkini pembangunan wakaf di Aceh, pembiayaan pendidikan melalui wakaf di institusi pendidikan dayah, serta halangan-halangan dalam pembiayaan pendidikan melalui wakaf di Aceh. Selain daripada itu pula, pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan yang didapati dari hasil temu bual mahupun cadangan dari analisis pengkaji sendiri.

5.2 Kesimpulan

Kajian ini bertujuan untuk meneliti perkembangan wakaf terkini secara umum yang berlaku dalam masyarakat Aceh. Perkembangan yang berkaitan pembangunan harta-harta wakaf

yang wujud di Aceh yang selama ini ditadbir oleh dua institusi pentadbiran wakaf di Aceh. Pengkaji juga akan menganalisis sejauhmana wakaf mempunyai peranan dalam pembiayaan pendidikan di institusi pendidikan dayah di Aceh, seterusnya ia juga cuba mengenalpasti halangan-halangan yang wujud dalam pembangunan wakaf ke arah yang lebih berkesan dan memberikan impak kepada kesejahteraan masyarakat dan kemajuan pendidikan di Aceh.

5.2.1 Pembangunan Wakaf di Aceh

Pengkaji membahagi kajian pembangunan wakaf di Aceh kepada dua aspek iaitu aspek potensi pembangunan harta wakaf di Aceh dan aspek perundang-undangan wakaf yang ada serta institusi pentadbiran wakaf.

Dalam aspek potensi pembangunan harta wakaf di Aceh, pengkaji telah mendapati bahawa potensi wakaf di Aceh sangat besar. Apabila potensi harta wakaf yang ada di Aceh mampu diberdayakan secara maksimum dan profesional maka wakaf akan memberikan impak yang besar dalam mensejahterakan masyarakat dalam pelbagai aspek termasuklah aspek pendidikan.

Berdasarkan data daripada Kanwil Departemen Agama Provinsi Aceh Bahagian Pengembangan Pensijilan Tanah Wakaf pada tahun 2012, tanah wakaf di 23 Kabupaten di Aceh berjumlah 24,898 lokasi dengan luas 767,825,948,094 m². Dari Jumlah tersebut, yang sudah bersijil sebagai tanah wakaf sebanyak 13,730 lokasi dengan luas 429,681,557,247 m², dan yang belum mempunyai sijil sebanyak 11,168 lokasi dengan luas 338,144,390,847 m². Ini bermakna, baru 55.14 peratus daripada tanah wakaf di Aceh telah memiliki sijil

tanah wakaf dari Badan Pertanahan Nasional Republik Indonesia (BPN RI)¹, sedangkan selebihnya belum mempunyai siji sebagai tanah wakaf sehingga ini akan mendedahkan kepada pertikaian terhadap tanah-tanah wakaf tersebut. Pemanfaatan tanah wakaf yang dilakukan oleh nazir masih bersifat tradisional, dari jumlah potensi yang sangat besar itu terdapat sedikit sahaja nazir yang melakukan pemberdayaan tanah wakaf secara profesional.

Berdasarkan temu bual pengkaji dengan pengerusi wakaf di Departemen Agama, mendapati bahawa tahapan-tahapan nyata dilakukan untuk menyelamatkan tanah wakaf dengan cara mencadangkan nazir untuk menguruskan siji wakaf kepada tanah-tanah wakaf yang ada. Dalam hal ini, pihak kerajaan juga ikut memberikan bantuan kepada nazir untuk proses pengurusan siji dari tahap awal sampai kepada Badan Pertanahan Nasional. Sehingga dapat disimpulkan bahawa pada masa sekarang ini, harta wakaf belum sampai lagi kepada tahapan pembangunan dan pemberdayaan, tahapan yang tengah berlangsung ialah proses menyelamatkan aset wakaf dengan pensijilan. Namun usaha-usaha ke arah membangunkan wakaf juga telah dilakukan oleh pelbagai pihak di Aceh.

Aspek seterusnya yang menjadi perhatian pengkaji ialah aspek perundang-undangan wakaf yang ada serta institusi pentadbiran wakaf di Aceh. Undang-undang wakaf kerajaan pusat Indonesia berlaku di Aceh, meskipun Aceh juga mempunyai wewenang untuk membuat qanun tersendiri termasuk qanun wakaf. Sehingga ada dua institusi yang melakukan pentadbiran wakaf di Aceh, iaitu Kementerian Agama Wilayah Aceh dan Baitul Mal Aceh.

¹ Data Pengembangan Pensijilan Tanah Wakaf Provinsi Aceh, Departemen Agama Wilayah Aceh, 2013.

Berdasarkan Peraturan Menteri Agama No. 20 Tahun 2012 tentang Organisasi dan Tata Kerja Instansi Vertikal Kementerian Agama, maka salah satu Susunan Organisasi Kantor Wilayah Kementerian Agama Provinsi yaitu Bidang Penerangan Agama Islam, Zakat, dan Wakaf atau disingkat Penais ZAWA.

Diantara undang-undang wakaf dari kerajaan pusat Indonesia ialah Lahirnya Peraturan Pemerintah No. 28 Tahun 1977 tentang Perwakafan tanah milik, undang-undang No. 41 tahun 2004 tentang Wakaf dan Peraturan Pemerintah No. 42 Tahun 2006 tentang pelaksanaannya termasuk memberikan sosialisasi tentang keberadaan Undang-undang (UU) dan Peraturan Pemerintah (PP) tersebut. Perundangan itu semua memeberikan ruang yang lebih terbuka untuk mengembangkan dan mengembangkan wakaf ke arah yang lebih berkesan oleh pihak-pihak yang berkait.

Baitul Mal Aceh berdasarkan kepada qanun No. 10 tahun 2007 tentang Baitul Mal Aceh. Qanun tersebut menyebut bahawa Badan Baitulmal berkuasa mentadbir harta agama yang bersumber daripada zakat, infaq, sedekah, *meusara*,² wakaf, wasiat, warisan, imarah, hibah dan lain-lain. Namun berdasarkan temu bual yang dilakukan pengkaji terhadap ke dua-dua pengerusi institusi ini mendapati bahawa Kementerian Agama Wilayah Aceh telah melakukan langkah yang nyata dalam pembangunan wakaf di Aceh seperti pensijilan dan melakukan *training* nazir supaya nazir dapat meningkatkan kualiti dalam menguruskan wakaf. Sedangkan Baitul Mal Aceh, selama ini lebih tampak peranannya dalam pemberdayaan zakat, sedangkan perihal wakaf, institusi ini lebih banyak bekerjasama dengan Kementerian Agama Wilayah Aceh dalam membuat program-program yang berhubungkait dengan wakaf seperti seminar dan pelatihan-pelatihan nazir.

² Armiadi, Zakat Produktif, 186.

5.2.2 Pembiayaan Pendidikan melalui Wakaf

Seperti yang telah diuraikan dalam bab 4, kajian ini dijalankan di tiga institusi dayah yang berbeza tempat dan peringkatnya. Tiga dayah tersebut ialah Dayah Darul Ihsan Tgk haji Hasan Krueng Kalee di Siem Aceh besar, Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah di si Sibreh Aceh Besar dan Dayah Uswatun Hasanah di Blang Nibong Aceh Utara.

Dalam kajian pembiayaan pendidikan melalui wakaf di tiga institusi dayah, pengkaji mengalisis tiga aspek pembiayaan iaitu aspek wakaf tanah sebagai tapak pembinaan sebuah institusi dayah, aspek wakaf bangunan institusi dayah, dan aspek wakaf produktif yang dapat membiayai kos operasi aktiviti-aktiviti pendidikan di dayah.

Aspek pertama iaitu aspek wakaf tanah sebagai tapak pembinaan sebuah dayah. Dari hasil temu bual pengkaji dengan pengurus setiap dayah, maka pengkaji mendapati bahawa dari tiga dayah tersebut semua mendapatkan pembiayaan berupa tanah wakaf sebagai tempat berdiri dayah tersebut. Tanah wakaf itu adakalanya bersumber dari wakaf dari masyarakat, wakaf pengurus/pimpinan dayah ketika dayah hendak dibina. Dari tiga dayah tersebut, Dayah Darul Ihsan merupakan dayah yang 2/3 kompleks dayah adalah tanah wakaf. Diantara tanah wakaf yang dimiliki oleh dayah ini telah berlaku kaedah *istibdal*. Sedangkan Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah pula berdiri di atas empat ekar tanah wakaf, diatas tanah wakaf itulah semua aktiviti-aktiviti pendidikan dijalankan, bahkan aktiviti ekonomi produktif pun dijalan di dayah wakaf ini. Dayah Uswatun Hasanah juga didirikan diatas tanah wakaf, meskipun keluasan tanah wakaf di dayah ini lebih kecil dibandingkan dengan Dayah Darul Ihsan dan Mahyal Ulum.

Aspek kedua yang menjadi perhatian pengkaji ialah aspek wakaf bangunan dayah. Daripada tiga dayah yang menjadi objek kajian, semuanya memiliki bangunan infrastruktur dayah yang bersumber dari wakaf. Bangunan infrastruktur Dayah Darul Ihsan bersumber dari kerajaan, NGO, yayasan dan wakaf. Sedangkan Mahyal Ulum merupakan dayah yang infrastruktur bangunannya lebih banyak yang bersumber dari wakaf, selain itu juga ada bantuan dari kerajaan Aceh. Dayah Uswatun Hasanah pula, kebanyakannya infrastruktur bangunannya bersumber dari bantuan kerajaan, NGO yang akadnya bukan akad wakaf, hanya sebahagian kecil dari bangunan di dayah ini yang bersumber dari wakaf.

Selain dua aspek wakaf tanah dan bangunan, pengkaji juga menganalisis aspek wakaf produktif yang dimiliki oleh dayah untuk membiayai kos operasi aktiviti-aktiviti pendidikan yang ada di dayah. Berdasarkan kajian, aspek yang ini merupakan yang paling lemah diantara kedua aspek yang pertama. Dari tiga dayah yang dikaji, hanya satu dayah sahaja yang ada memiliki aset wakaf produktif berupa usaha kedai furniture, koperasi, penternakan, perikanan dan perkebunan, iaitu Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah yang berusaha untuk menjadi dayah yang mandiri secara kewangan melalui wakaf. Semua jenis aktiviti tersebut dilaksanakan dalam kawasan persekitaran Dayah dan di atas tanah wakaf yang dimiliki oleh dayah yang berkanaan. Pulangan dari aset wakaf produktif tersebut dimanfaatkan untuk membiayai kos operasi dayah. Sedangkan Dayah Darul Ihsan Abu Krueng Kalee dan Dayah Uswatun Hasanah tidak mempunyai aset wakaf produktif. Dayah Uswatun Hasanah mempunyai usaha produktif tapi itu bukan aset wakaf, itu semua aset yayasan.

5.2.3 Halangan dan Solusi dalam Pembiayaan Pendidikan melalui Wakaf di Aceh

Halangan dan kekangan dalam mengembangkan pembiayaan pendidikan melalui wakaf sama dengan halangan dalam mengembangkan wakaf pada umumnya. Halangan-halangan itu datang dari pihak-pihak yang terlibat dalam pentadbiran wakaf. Pengkaji akan menganalisis tiga faktor halangan dalam pembiayaan pendidikan melalui wakaf, iaitu Nazir, kerajaan dan juga masyarakat.

Halangan dari pihak nazir, diantaranya nazir tidak memiliki ilmu yang memadai tentang wakaf serta cara mengembangkannya. Banyak nazir yang tidak mampu berbuat apa-apa terhadap harta wakaf yang telah diserahkan oleh wakif sehingga harta wakaf tidak berfungsi secara maksimum. Nazir yang profesional memiliki kualifikasi tertentu baik moral, pengurusan, bisnis. Inilah sumber halangan nazir. Namun demikian, sekarang telah banyak latihan-latihan nazir yang diberikan oleh Forum Nazir dan pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk mendidik nazir ke arah yang lebih baik, seperti Baitul Mal dan Kementerian Agama Provinsi Aceh.

Kerajaan menjadi halangan dalam pengembangan wakaf produkti termasuk wakaf pendidikan. Kerajaan bertugas membuat perundang-undangan wakaf yang dapat diterapkan ke arah memajukan wakaf dan memartabatkan wakaf. Aceh telah mengeluarkan qanun Baitul Mal yang di dalamnya diatur tentang zakat dan wakaf. Namun dalam realitinya qanun wakaf tidak dapat dijalankan secara maksimum oleh Baitul Mal sebagai institusi yang dibentuk oleh pemerintah Aceh untuk menguruskan perihal zakat dan wakaf. Sehingga menurut pengkaji perlu adanya qanun khas wakaf yang tidak bertentangan perundang-undangan Indonesia, kerana Aceh merupakan daerah autonomi maka ia boleh

membuat qanun tersendiri, tapi yang berlaku sekarang seakan berlakunya percanggahan antara qanun Aceh UU Wakaf Indonesia.

5.3 Cadangan

Kajian tentang wakaf di Aceh masih sangat jarang dilakukan, berbanding dengan kajian-kajian zakat yang telah ramai pengkaji melakukan kajian dalam hal ini. Kajian-kajian tentang wakaf sememangnya sangat diperlukan di Aceh. Sudah sepatutnya wujud pengkaji yang lebih ramai dalam bidang ini, sehingga para pengkaji dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan wakaf di Aceh dengan idea-idea dan cadangan-cadangan yang bermanfaat.

Berdasarkan kepada kajian yang telah dilakukan, maka pengkaji mencadangkan beberapa hal kepada beberapa pihak yang berkait dalam pembangunan wakaf di Aceh secara amnya, dan dalam pembiayaan pendidikan melalui wakaf secara khas. Diantaranya ialah:

1. Kepada pihak pentadbiran hendaklah melakukan pendataan yang lebih lengkap tentang harta wakaf yang wujud di Aceh. Hendaklah dibuat secara detail yang manakah wakaf dan wakaf khas sehingga hal ini akan memudahkan dalam pembangunan wakaf. Selain daripada itu, pihak pentadbiran perlu mempertingkatkan lagi usaha-usaha untuk mengembangkan wakaf.
2. Hendaklah institusi pendidikan dayah mempunyai sebuah badan wakaf yang bertugas mencari aset-aset wakaf produktif dan mengembangkannya sebaik-baiknya sehingga institusi dayah mendapatkan pulangan yang signifikan dari aset wakaf.
3. Kepada pengkaji berikutnya, hendaklah membuat kajian-kajian yang berkaitan dengan sejarah wakaf di Aceh pada masa kerajaan Islam dahulu, dan kajian-kajian

dalam hal pembangunan wakaf yang ada, serta kajian-kajian yang berkaitan dengan pengaruh nazir dan masyarakat dalam pembangunan wakaf di Aceh.

4. Kepada kerajaan, hendaklah segera membentuk sebuah badan wakaf khas yang profesional dan berwibawa dalam menjalankan tugas pentadbiran wakaf. Pada masa sekarang ini, Baitul Mal Aceh dan Panais ZAWA Kementerian Agama Provinsi masih kurang peranannya dalam pentadbiran wakaf kerana mengingat dua institusi ini bukan institusi khas dalam pengurusan wakaf.
5. Institusi pendidikan dayah selain tempat mempelajari ilmu-ilmu syariat, hendaklah mengamalkan konsep pembiayaan pendidikan melalui wakaf sepertimana al-Azhar Mesir yang mampu bertahan dengan aset wakaf yang sangat banyak.